



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN KERJA YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR MENTERI LUAR NEGERI KE UNITED KINGDOM 25-26 SEPTEMBER 2023

YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri akan mengadakan Lawatan Kerja ke United Kingdom dari 25 hingga 26 September 2023. Sewaktu lawatan tersebut, YB Menteri Luar Negeri akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat beliau, TYT James Cleverly, Setiausaha Luar Negeri, Komanwel dan Hal Ehwal Pembangunan United Kingdom. Kedua-dua pemimpin akan membincangkan kerjasama dua hala sedia ada serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang melibatkan kepentingan bersama.

YB Menteri Luar Negeri juga dijadualkan menghadiri Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan dan Kekebalan Negara dalam Timbang Tara Komersial Edisi London pada 25 September 2023. Kolokium ini merupakan edisi ketiga dan terakhir yang dianjurkan selepas di Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur, anjuran bersama Kerajaan Malaysia, Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), *SOAS University of London Arbitration and Dispute Resolution Centre (SADRC)* dan *International Dispute Resolution Centre, London (IDRC)*. YB Menteri Luar Negeri akan menyampaikan ucapan penutup pada Kolokium tersebut.

Jalinan persahabatan yang erat antara Malaysia dan United Kingdom adalah bertunjangkan kerjasama ekonomi yang teguh dan hubungan antara rakyat yang rapat. Lawatan ini akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala seterusnya memberikan faedah kepada rakyat kedua-dua buah negara menerusi kerjasama yang sedia terjalin dalam pelbagai bidang, seperti perdagangan dan pelaburan, pertahanan, kesihatan, pendidikan dan alam sekitar.

Pada tahun 2022, United Kingdom merupakan rakan dagangan ke-23 terbesar Malaysia di peringkat global dengan jumlah dagangan bernilai RM17.58 bilion (USD3.99 bilion), peningkatan sebanyak 2.3 peratus berbanding nilai yang dicatatkan pada tahun 2021.

PUTRAJAYA
24 September 2023



WISMA PUTRA